

DATE: 03/10/2007

'Usah percaya khabar angin tahap kesihatan Dr Mahathir'

KUALA LUMPUR: Semua pihak diminta tidak mudah mempercayai khabar angin terutama yang disebarkan menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) mengenai tahap kesihatan Tun Dr Mahathir Mohamad yang dikatakan tidak sihat selepas pembedahan kedua, kata anaknya, Datuk Mukhriz Mahathir.

"Orang ramai perlu mendapatkan maklumat daripada sumber rasmi seperti Institut Jantung Negara (IJN), laman blog yang dikendalikan kakak saya, Datin Paduka Marina Mahathir dan media," katanya.

Beliau diminta mengulas mengenai khabar angin yang tersebar luas mengenai tahap kesihatan bekas Perdana Menteri itu.

Mukhriz berkata, tahap kesihatan Dr Mahathir semakin baik selepas menjalani pembedahan kedua baru-baru ini dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang mendoakan kesihatan bapanya itu.

Beliau juga hairan mengapa khabar angin mengenai kesihatan bapanya itu disebarkan, termasuk ada yang menghantar ucapan takziah kepada keluarganya sedangkan maklumat terkini kesihatan Dr Mahathir sentiasa dikemas kini.

"Takkan pula kami nak menipu mengenai kesihatan ayah

sendiri. Saya sendiri berasa hairan mengapa SMS agak nakal itu terus tersebar. Malah mereka yang menerima SMS berkenaan tanpa usul periksa terus menyebarkannya kepada orang lain," katanya ketika ditemui pada sidang media bagi mengumumkan Malam Anugerah Francais 2007 di Kuala Lumpur, semalam.

Ketika ditanya bila Dr Mahathir dijangka keluar dari IJN, Mukhriz berkata, ia bergantung kepada keputusan pakar yang merawatnya bapanya.

"Apa yang penting kami sekeluarga mahu apabila dibenarkan pulang, Tun benar-benar sihat," katanya sambil menambah, keluarganya tidak menggalakkan orang ramai melawat bapanya pada Aidilfitri kerana berasakan ia tidak sesuai.

"Saya kira mungkin tidak sesuai (melawat Dr Mahathir), mungkin lebih elok kita boleh tunggu sehingga beliau benar-benar pulih dan balik ke rumah, kalau kita boleh buat kenduri syukur waktu itu (orang ramai) dialu-alukan," katanya.

Dr Mahathir, 82, menjalani pemindahan jantung kedua pada 4 September lalu. Beliau menjalani pembedahan pintasan jantung buat pertama kali di Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada 24 Januari 1989 akibat serangan jantung.